



Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Teknologi, Kolej Universiti TATI (TATIUC), Kemaman, telah mengadakan satu program Taklimat Pencarian Maklumat: 'Open Access Discovery' pada 30 September 2021, Khamis. Program selama 2 jam ini mensasarkan pelajar tahun akhir Program Teknologi Kejuruteraan Kimia bagi menyiapkan kerja kursus. Turut hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Ts. Dr. Danmuji bin Rifai, Timbalan Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan, dan Ts. Dr. Siti Ilyani bt. Rani, Ketua Program Teknologi Kejuruteraan Kimia. Taklimat ini disampaikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Rujukan, dan turut dibantu oleh pustakawan UiTMCT yang lain.

Antara pengisian sesi taklimat tersebut ialah akses dan strategi pencarian maklumat melalui UiTM Open Access Discovery, UiTM Institutional Repository, dan beberapa pangkalan data akses terbuka yang lain. Juga dikongsi ialah perkhidmatan Perpustakaan UiTM yang boleh digunakannya bersama warga TATIUC seperti penggunaan koleksi rujukan, pinjaman antara perpustakaan dan konsultasi akademik. Program ini telah mendapat maklumbalas yang baik daripada peserta melalui penilaian taklimat. Semoga program kerjasama melalui perkongsian ilmu ini dapat menjalinkan hubungan baik antara kedua-dua institusi akademik dalam melahirkan graduan yang berilmu.